



JABATAN KETUA MENTERI  
CHIEF MINISTER DEPARTMENT  
Aras 28, Blok A,  
Menara Kinabalu,  
Jalan UMS, Teluk Likas,  
88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.



Telefon : +6088-369 900  
          : +6088-369 901  
Faksimile : +6088-211 016  
Laman Web : skn.sabah.gov.my

Bil. JPAN : 700-2/1 (21)

Tarikh : 11 JUL 2024

Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PENGGUNAAN SURAT PENGESAHAN DIRI DAN PENGAKUAN PEGAWAI MELALUI SISTEM E-RAWATAN DI HOSPITAL DAN KLINIK KERAJAAN**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Sistem e-Rawatan telah dibangunkan bagi memudahkan Pegawai mengakses dan mencetak sendiri Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pegawai tanpa mendapatkan tandatangan Ketua Jabatan. Sistem e-Rawatan boleh diakses melalui pautan <https://eRawatan.sabah.gov.my> dengan menggunakan kata laluan e-cutি. Surat pengesahan diri dan pengakuan pegawai adalah selaras dengan format Borang Jadual Keenam Belas seperti dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008).
  
3. Surat pengesahan diri yang telah dicetak hendaklah dikemukakan kepada pihak hospital sekiranya seseorang pegawai atau ahli keluarga ingin mendapatkan rawatan atau dimasukkan ke wad di hospital atau klinik kerajaan. Panduan mengenai penggunaan surat pengesahan diri dan pengakuan pegawai melalui sistem e-Rawatan adalah seperti di **Lampiran A**.

**“SABAH MAJU JAYA”**

PELAKSANAAN PENGGUNAAN SURAT PENGESAHAN DIRI DAN PENGAKUAN PEGAWAI MELALUI SISTEM E-RAWATAN DI HOSPITAL DAN KLINIK KERAJAAN

Bil. JPAN : 700-2/1 (21)

Tarikh : 11 JUL 2024

---

4. Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa semua maklumat pegawai di bawah seliaan masing-masing dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (SM2) khususnya perihal butir-butir peribadi pegawai dan keluarga sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa.
5. Surat edaran ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.
6. Dengan berkuat kuasanya surat edaran ini, surat edaran Bil. JPAN:1000-9/132 KLT.12 (32) bertarikh 17 Ogos 2018 adalah dibatalkan.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



( DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP )  
Setiausaha Kerajaan Negeri

**“SABAH MAJU JAYA”**

## **LAMPIRAN A**

### **PENGGUNAAN SURAT PENGESAHAN DIRI DAN PENGAKUAN PEGAWAI MELALUI SISTEM E-RAWATAN DI HOSPITAL DAN KLINIK KERAJAAN**

1. Sistem e-Rawatan boleh diakses melalui <https://eRawatan.sabah.gov.my> dengan menggunakan kata laluan e-cuti.
2. Pegawai perlu mencetak dan menurunkan tandatangan pada Surat Pengesahan diri dan Pengakuan Pegawai, serta menyediakan salinan seperti berikut :
  - 2.1 Salinan pertama hendaklah disimpan oleh pegawai sendiri untuk dikemukakan kepada hospital atau klinik berkenaan semasa pendaftaran untuk mendapatkan rawatan;
  - 2.2 Salinan kedua hendaklah diedarkan kepada pejabat/bahagian/unit yang menguruskan gaji pegawai berkenaan untuk memudahkan rujukan dibuat semasa membuat potongan gaji pegawai bagi menjelaskan apa-apa bayaran yang dikenakan oleh hospital atau klinik berkenaan; dan
  - 2.3 Salinan ketiga hendaklah disimpan untuk rekod di pejabat pegawai itu berkhidmat.